

KENYATAAN MEDIA

Pasar Malam Sebagai Nadi Kehidupan Bandar

Kuala Lumpur, 30 April 2025 — Khazanah Research Institute (KRI) hari ini menerbitkan kertas perbincangan kedua di bawah projek pasar malam bertajuk “Why Night Markets Matter?: A review of literature”. Kertas perbincangan ini ditulis oleh Nur Sofea Hasmira Azahar dan Dr Mohd Amirul Rafiq Abu Rahim, mengupas kepentingan pasar malam dari aspek ekonomi, budaya dan sosial di Malaysia yang terus berkembang, serta mengetengahkan peranan penting mereka yang sering kali terpinggir dalam landskap ekonomi bandar dan informal.

“Penerbitan ini berkait rapat dengan kertas perbincangan pertama yang telah diterbitkan pada Januari tahun ini mengenai landskap penjaja secara keseluruhan, dengan mengalihkan fokus khusus kepada pasar malam sebagai ruang dinamik dan pelbagai fungsi yang menggabungkan keusahawanan, kehidupan komuniti dan warisan budaya,” menurut penulis utama kajian ini, Nur Sofea Hasmira Azahar. “Walaupun pasar malam terus menjadi platform ekonomi yang mudah diakses oleh segenap lapisan masyarakat, masih terdapat keperluan untuk pemahaman yang lebih mendalam dan sistematik tentang bagaimana pasar malam menyesuaikan diri dengan trend urbanisasi, perubahan corak pemakanan, peningkatan taraf hidup dan peralihan digital.”

Beberapa penemuan utama daripada kertas perbincangan ini termasuklah:

- ❖ Pasar malam menyumbang sebahagian besar kepada perniagaan informal, menyediakan peluang pendapatan penting kepada komuniti berpendapatan rendah dan rentan, serta menggalakkan interaksi budaya dan sosial antara pelbagai kumpulan masyarakat.
- ❖ Di sebalik peranannya, pasar malam menghadapi cabaran sistemik, termasuk kerangka pelesenan yang tidak seragam antara kawasan, penguatkuasaan peraturan yang lemah dalam pengurusan sisa dan keselamatan makanan, serta integrasi formal yang terhad dalam perancangan bandar.
- ❖ Dengan peningkatan taraf hidup isi rumah Malaysia dan perubahan corak pengguna, timbul persoalan sama ada pasar malam dapat mengekalkan relevansinya di tengah-tengah daya tarikan pilihan runcit formal yang menawarkan persekitaran yang lebih tersusun, khususnya dari segi standard kesihatan dan keselamatan.
- ❖ Penerimaan digital dalam kalangan penjaja pasar malam juga semakin pesat, terutamanya selepas pandemik. Namun, masih kurang bukti empirikal mengenai bagaimana penggunaan alat digital mengubah dinamik perusahaan mikro, terutamanya bagi usahawan wanita, belia dan kumpulan B40.

Kertas perbincangan ini menyarankan pelaksanaan agenda penyelidikan yang lebih holistik yang merangkumi perspektif peniaga dan pengguna, dengan pendekatan berasaskan bukti bagi memahami daya tahan ekonomi, keperluan peraturan, dan peranan pasar malam yang terus berkembang dalam konteks Malaysia..

Laporan penuh kajian tersebut boleh dimuat turun melalui pautan www.krinstitute.org.

TAMAT

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi Najyah Johar Salim (najyah.johar@krinstitute.org) atau di talian 03-2705 6100.

KHAZANAH RESEARCH INSTITUTE (KRI)

The Khazanah Research Institute, sponsored by Khazanah Nasional Berhad, is a not-for-profit organisation and is incorporated as a company limited by guarantee. The objective of the Institute is to undertake analysis and research on the pressing issues of the nation and, based on that research, provide actionable policy recommendations. For more information on KRI, visit www.krinstitute.org.

Among the Institute's roles are

- carrying out rigorous impartial research and analysis that is founded on facts and data
- convening workshops, round tables, conferences and talks for subject matter experts, policy makers, thought leaders and interested members of the public, as appropriate
- being an advocate of its research findings and policy recommendations.

Follow KRI on social media to keep up-to-date with our research:



@KRInstitute



@KRInstitute or www.facebook.com/KRInstitute/



Khazanah Research Institute



@krinstitute